

1 Bahasa
1 Melayu
1 Kertas 2
0 November
3 2023
2 2½ jam



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2023

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 18 halaman bercetak.

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2 2023**MARKAH PENUH: 100 MARKAH****Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **11** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata ganda** yang betul (calon hanya perlu menyenaraikan empat kata ganda daripada petikan).
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata ganda tersebut.
3. Boleh menggunakan cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca yang betul.
4. Sekiranya beberapa kata ganda telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
11. Calon yang menukarkan imbuhan atau menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.

Soalan 1 – Morfologi

Kata ganda	Maksud
berbagai-bagai	bermacam-macam, berjenis-jenis, beberapa (negara dll) yang berlainan: ia berbuat ~ ikhtiar supaya terpelihara daripada musuhnya;
berbeza-beza	berlain-lain, berlainan: adat itu mempunyai tafsiran yang ~ antara ahli-ahli penganutnya;
kuih-muih	bermacam-macam jenis kuih;
lauk-pauk	bermacam-macam jenis lauk;
turun-temurun	daripada nenek moyang berpindah kepada anak cucu;

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Cerakinkan ayat majmuk yang bergaris kepada ayat tunggal

(i)	Pertanian bandar mampu menjadi terapi kepada pekebun.	[1 m]
	Pertanian bandar mampu menjadi terapi kepada pengusaha.	[1 m]
(ii)	Pertanian bandar dapat memupuk semangat kejiranan.	[1 m]
	Mereka mengusahakan tanaman dengan kaedah serupa.	[1 m]
(iii)	Pertanian bandar membawa manfaat kepada diri sendiri.	[1 m]
	Pertanian bandar membawa manfaat kepada masyarakat.	[1 m]

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

membawa/MEMBAWA	-	pembawa/PEMBAWA
mengenal	-	dikenali
mengigit	-	menggigit
berladang	-	bertakung
kepompong	-	kepompong
demi untuk	-	demi/untuk

[Maksimum: 5 markah]

Bahan 2

element	-	elemen
semulajadi	-	semula jadi
Mewujudkan	-	Kewujudan
berkongsi	-	perkongsian
menyayangi	-	menghargai
Pada masa kini	-	Pada masa ini/Kini
dari	-	daripada

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Dalam hati baginda, “Tun Perak tidak sepatutnya menjadi bentara lagi, tetapi menjadi Perdana Menteri.” Tun Perak digelar oleh baginda sebagai Paduka Raja dan disuruh/diminta duduk di seri balai sebaris/setaraf dengan Seri Nara Diraja. Paduka Raja naik ke seri balai dan duduk berdekatan/berhampiran dengan Seri Nara Diraja. Seri Nara Diraja beralih/berpindah/bertukar tempat ke tengah.

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

(i)	Cendawan tumbuh selepas hujan.	[2 m]
(ii)	Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah/duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.	[2 m]
(iii)	Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing/(ke) bukit sama didaki, (ke) lurah sama dituruni/bagai aur dengan tebing.	[2 m]

[Maksimum: 6 markah]

Bahagian B: Pemahaman

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6: **12** markah

Soalan 7: **13** markah

Soalan 8: **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8:

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**i. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat gramatis.	2
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat tidak gramatis.	1
Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup.	
Jawapan salah.	0

ii. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat gramatis.	3
Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
Isi tidak cukup/menyentuh semua bahan/ayat gramatis.	
Isi tidak cukup/tidak menyentuh semua bahan.	1
Jawapan salah.	0

iii. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi)/relevan dengan tugas/ayat gramatis.	4
Isi cukup (3 isi)/relevan dengan tugas/ayat <i>kurang</i> gramatis.	3
Isi tidak cukup (2 isi)/relevan dengan tugas/ayat gramatis.	
Isi tidak cukup (2 isi)/ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
Isi tidak cukup (1 isi)/ayat gramatis.	
Isi tidak cukup (1 isi)/ayat <i>kurang</i> gramatis.	1
Jawapan salah.	0

Soalan 6 – Pemahaman

- (i) Maksud *membuat andaian* ialah...
- menimbulkan/mendatangkan/menerbitkan tanggapan/anggapan/spekulasi/kesimpulan/pendapat [2m]
 - membuat tanggapan/anggapan/spekulasi/kesimpulan/pendapat [1m]
 - menimbulkan/mendatangkan/menerbitkan andaian [1m]
- [Maksimum: 2 markah]**

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, langkah-langkah untuk mengelakkan orang ramai terkena renjatan elektrik ketika banjir ialah...

Bahan 1

- P1- TNB turut menasihati orang ramai supaya tidak menghampiri atau menyentuh pemasangan elektrik yang ditenggelami banjir [1m]
- P2- orang ramai hendaklah segera melaporkan kejadian kepada pihak pemegang lesen yang berdaftar [1m]
- P3- TNB telah memutuskan bekalan elektrik buat sementara di kawasan yang ditenggelami air [1m]

Bahan 2

- P4- orang ramai tidak boleh mengalih, membaiki tiang elektrik tumbang atau talian elektrik putus atau jatuh ke tanah [1m]
- P5- sebelum membersihkan peralatan elektrik, orang ramai perlu memastikan suis utama dimatikan [1m]
- P6- sebelum membuka suis utama, semua pendawaian rumah dan kelengkapan elektrik perlu diperiksa kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST [1m]

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

[Calon perlu mengemukakan jawapan daripada kedua-dua bahan]

- (iii) Pada pendapat saya, persediaan-persediaan keselamatan yang perlu dilakukan sebelum berlakunya banjir ialah...
- P1- mendapatkan maklumat terkini berkaitan banjir melalui televisyen, radio, Internet (media sosial) [1m]
- P2- menyediakan peralatan keselamatan/jaket keselamatan/sampan atau bot kecil [1m]
- P3- memastikan telefon bimbit dalam keadaan baik [1m]
- P4- menyediakan kit keselamatan asas yang lengkap/ubat-ubatan [1m]
- P5- memastikan nombor telefon talian kecemasan/jabatan penyelamat/pihak berkaitan (individu/NGO)/pusat pemindahan banjir sudah disimpan dalam telefon bimbit [1m]
- P6- memastikan diri dan ahli keluarga tahu untuk bertindak menyelamatkan diri apabila berlakunya banjir [1m]
- P7- membersihkan saliran/longkang/laluan air supaya air dapat mengalir dengan mudah/cepat [1m]
- P8- memastikan dokumen penting (kad pengenalan/buku bank/buku kesihatan) diletakkan di tempat yang selamat [1m]
- (Persediaan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

- (iv) Sebagai remaja yang prihatin, tindakan-tindakan yang perlu saya ambil untuk memastikan keselamatan kanak-kanak tersebut ialah...
- P1- menasihati/mengingatkan/menegur kanak-kanak supaya tidak bermain di kawasan tersebut [1m]
- P2- menyuruh kanak-kanak tersebut bersurai/pulang ke rumah masing-masing [1m]
- P3- memberitahu/memaklumkan perbuatan kanak-kanak itu kepada ibu bapa mereka [1m]
- P4- maklumkan kejadian kepada pihak berkuasa/ketua kampung/rukun tetangga [1m]
- P5- menularkan perkara tersebut sebagai pengajaran kepada orang lain/media sosial [1m]
- (Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Sastera

- (i) Berdasarkan Bahan 2, cerita yang telah disampaikan oleh Hajah Normah ialah...
- P1- pemandu-pemandu bas berbangsa Turki di Mekah hanya boleh berunding jika diberikan duit [2m]
- P2- jemaah haji Turki, baik lelaki mahupun perempuan, biasanya bersikap kasar [1m]
- P3- mereka suka merempuh jemaah yang lain ketika melakukan tawaf [1m]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, panduan yang perlu diikuti ketika berbelanja ialah...

Bahan 1

- P1- **Sentiasa berjimat** dalam perbelanjaan/berjimat dalam **setiap** perbelanjaan/urusan/perkara [1m]
- P2- berjimat dengan cara membeli sesuatu dengan kadar yang sedikit [1m]
- P3- segala urusan perlu dirancang untuk mengelakkan pembaziran [1m]

Bahan 2

- P1- jangan beli barangan daripada penjual di tepi jalan [1m]
- P2- jangan berjalan sendirian [1m]
- P3- jangan beritahu negara asal sekiranya ditanya oleh para pekedai [1m]
- P4- jangan naik ke tingkat atas kedai sekiranya dipelawa [1m]
- P5- tawar harga setiap barangan yang ingin dibeli sehingga 70 peratus [1m]
- P6- jangan gunakan kad kredit sebab terlalu berisiko ditipu [1m]

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

[Calon perlu mengemukakan jawapan daripada kedua-dua bahan]

- (iii) Pada pendapat saya, kita perlu berbelanja dengan berhemat kerana...
- P1- dapat menabung untuk masa depan [1m]
- P2- mengurangkan kebergantungan kewangan kepada ibu bapa/keluarga [1m]
- P3- mengelakkan diri daripada berhutang/beban kewangan [1m]
- P4- memupuk/melatih/mendidik diri untuk bijak berbelanja [1m]
- P5- dapat mengawal perbelanjaan/mengawal nafsu/keinginan berbelanja/ mengutamakan keperluan berbanding dengan kehendak [1m]
- P6- mengelakkan inflasi [1m]
- (Sebab lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iv) Langkah-langkah yang akan saya ambil untuk mengatasi masalah kewangan ialah...

P1- Menggunakan wang tabungan [1m]

P2- Meminjam wang daripada keluarga/rakan-rakan [1m]

P3- Menjual barang-barang kesayangan yang berharga [1m]

P4- Berniaga kecil-kecil/bekerja sambil [1m]

P5- Memohon sumbangan daripada pihak-pihak tertentu/kerajaan negeri/
pusat zakat [1m]

P6- Berjimat-cermat/membeli barangan keperluan sahaja [1m]

(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8: Novel**Panduan pemarkahan bagi soalan novel****Soalan (i)**

- (i) Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
- (ii) Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis.
- (iii) Isi cukup tiga.

Jawapan soalan (i)

Daya tarikan Chalet Iwana-Iwani yang menarik minat Waheeda ialah...

- P1- dengar nama sudah jatuh cinta [1m]
- P2- bangunan Chalet Iwana-Iwani nampak gah sekali [1m]
- P3- agak strategik [1m]
- P4- betul-betul bagaikan takhta di tanah tinggi Cameron Highlands [1m]
- P5- hanya tujuh minit dengan kereta ke pusat bandar [1m]

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan (ii)

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (c) Beri 1 markah untuk peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap/jelas bagi setiap peristiwa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

Jawapan soalan (ii)

Peristiwa yang menunjukkan semangat kerjasama dalam masyarakat.

Novel	Peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Leftenan Adnan Wira Bangsa	Peristiwa Penghulu Deraman bekerjasama dengan Leftenan Adnan dalam memberikan maklumat tentang Samad yang menjadi tali barut kepada Jepun.	Menjelang tengah malam, Leftenan Adnan membawa anggotanya sebanyak sepuluh orang ke tempat persembunyian pengintip Jepun. Samad dan tiga orang lelaki Jepun dapat ditewaskan. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam usaha menentang penjajah.
	Peristiwa penduduk kampung bekerjasama dalam mempertahankan tanah air.	Penduduk kampung Pasir Panjang sanggup menggadaikan nyawa walaupun hanya berbekalkan sebilah parang untuk menghalang serangan Jepun. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam mempertahankan tanah air.
Tirani	Peristiwa Waheeda dan keluarganya bekerjasama menguruskan perniagaan Syarikat Tajau Emas.	Waheeda bekerjasama dengan keluarga dan kakitangan Syarikat Tajau Emas membuat persiapan menyambut kedatangan pelawat dari England. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam menguruskan perniagaan.
	Peristiwa masyarakat kampung bekerjasama dalam menjayakan majlis perkahwinan Zahid dan Waheeda.	Masyarakat kampung Matang saling membantu dengan menghias pentas, membuat persembahan kebudayaan dan menyambut tetamu semasa majlis tersebut. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam menjayakan majlis.

Novel	Peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Di Sebalik Dinara	Peristiwa Farisha bekerjasama dengan Shida untuk mengkaji pembinaan sistem keselamatan Dinara.	Farisha dibantu oleh Shida untuk menggodam dan mengukuhkan sistem Dinara. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama antara pekerja dalam menjayakan tugas yang diamanahkan kepada mereka.
	Peristiwa Aqram bekerjasama dengan rakan-rakannya untuk menyelamatkan Sistem Dinara.	Aqram Dr. Maxi, Khairul Anwar dan Alia merancang pelbagai usaha untuk memastikan Sistem Dinara daripada dicerobohi oleh virus. Peristiwa ini menggambarkan kerjasama yang erat antara kakitangan Soft Lab dalam menyelesaikan masalah.
Silir Daksina	Peristiwa Haiqal bekerjasama dengan penduduk Kampung Seri Purnama untuk menghidupkan semula tarian zapin di kampung itu.	Haiqal bekerjasama dengan penduduk kampung berlatih tarian zapin di balai raya pada waktu malam untuk melestarikan warisan budaya. Peristiwa ini menggambarkan kerjasama untuk memartabatkan seni warisan budaya dalam kalangan masyarakat.
	Peristiwa Ong Swee Hwa bekerjasama dengan Haikal dalam menjayakan persembahan warisan budaya.	Ong See Hwa bersetuju untuk menggantikan Lazim yang tercedera akibat kemalangan sebagai pasangan Haikal semasa persembahan Tarian Zapin Jincat di balai raya. Peristiwa ini menggambarkan kerjasama antara rakan dalam menjayakan sesuatu majlis/persembahan.

Novel	Peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Jendela Menghadap Jalan	Peristiwa Lili bekerjasama dengan Puan Hamimah dalam menyelesaikan masalah rumah tangga Che Jah.	Lili meminta bantuan Puan Hamimah yang bertugas sebagai Penolong Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menyelesaikan masalah rumah tangga Che Jah yang sering didera oleh suaminya, Seman. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam membantu orang yang berhadapan dengan masalah keganasan rumah tangga.
	Peristiwa penduduk kampung bekerjasama mengadakan solat hajat untuk keselamatan Lili.	Lili telah diculik oleh Rafiq dan Haziq. Penduduk kampung telah bekerjasama mengadakan solat hajat supaya Lili dapat diselamatkan. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam kalangan penduduk setempat untuk mengatasi sesuatu masalah.
Songket Berbenang Emas	Peristiwa penduduk kampung bekerjasama membina rumah Embong.	Penduduk Kampung Parit Haji Rais bekerjasama membina semula rumah Emong yang musnah akibat banjir. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama membantu golongan yang ditimpa bencana dalam kalangan masyarakat.
	Peristiwa ketua kampung bekerjasama dengan penduduk kampung menghantar Saleha ke hospital.	Sejak Saleha disahkan mengalami kemurungan dan perlu dihantar ke hospital, Haji Sulaiman bekerjasama dengan penduduk kampung untuk meringankan urusan Embong. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama untuk membantu orang dalam kesusahan.

Novel	Peristiwa (1m)	Huraian (1m)
Pantai Kasih	Peristiwa Dr. Raiha bekerjasama dengan pasukannya untuk menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron.	Dr. Raiha bekerjasama dengan Dr. Alex Ng dan Dr. Mohammad sebelum dia menjalankan pembedahan kali keenam pada bahagian sendi tulang pinggul Unong Siron. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama untuk menyelesaikan masalah rawatan yang berulang kali terhadap pesakit.
	Peristiwa Dr. Raiha bekerjasama dengan ibu Unong Siron untuk menyelamatkan Felicia Landosi.	Dr. Raiha bekerjasama dengan ibu Unong Siron untuk menenangkan pemuda yang menceroboh PRPK dan menjadikan Felicia Landosi sebagai tawanan. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam menyelamatkan nyawa seseorang.
Bimasakti Menari	Peristiwa Nurul Hafsa bekerjasama dengan Muhammad Taufik untuk menyelamatkan populasi kelip-kelip.	Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik bekerjasama menyiapkan kertas kerja dan membuat pembentangan demi merealisasikan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor. Tujuan projek ini adalah untuk meningkatkan populasi kelip-kelip. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama dalam masyarakat untuk memelihara alam sekitar.
	Peristiwa Nurul Hafsa bekerjasama dengan Budiman untuk menyelamatkan Muhammad Taufik.	Nurul Hafsa dan Budiman bekerjasama membantu Muhammad Taufik yang cedera dipukul dengan menghubungi polis dan ambulans. Mereka turut membantu pihak polis untuk melancarkan siasatan tentang kes serangan terhadap Muhammad Taufik sewaktu dia dalam perjalanan pulang dari masjid. Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama untuk mengatasi jenayah dalam kalangan masyarakat.

Bahagian C: Rumusan

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah
- (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - nama khas/peribahasa
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi lengkap sahaja.

Pengiraan Isi

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima (cadangan)						Markah Maksimum
(i) Pendahuluan								2
(ii) Isi Bahan 1								16
Fokus 1 (kelebihan)	4	4	4	3	3	2	1	
Fokus 2 (usaha)	3	2	1	3	2	2	3	
(iii) Isi Bahan 2								
Fokus 2 (usaha)	2	1	2	1	2	2	2	
(iv) Isi Bahan 3								
Fokus 1 (kelebihan)	2	1	1	1	1	2	2	
Jumlah isi	11	8	8	8	8	8	8	
Penutup/ kesimpulan								2
Jumlah markah							20	

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

Peringkat	Markah Bahasa	Kriteria
Cemerlang	8 – 10	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik. - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan.
Baik	5 – 7	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan ayat baik. - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat. - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan.
Sederhana	3 – 4	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik. - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat. - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan.
Lemah	1 – 2	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta, markah bahasa pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]	Markah
P1 Rumusan/petikan membincangkan (Fokus 1) <i>kelebihan/kebaikan/manfaat/faedah</i> bidang animasi dan (Fokus 2) <i>usaha/cara/langkah</i> memajukan bidang animasi.	2
P2 Rumusan/petikan membincangkan (Fokus 1) <i>kelebihan/kebaikan/manfaat/faedah</i> dan (Fokus 2) <i>usaha/cara/langkah</i> memajukan bidang animasi.	1
P3 Rumusan/petikan membincangkan (Fokus 1) <i>kelebihan/kebaikan/manfaat/faedah</i> bidang animasi.	1
P4 Rumusan/petikan membincangkan (Fokus 2) <i>usaha/cara/langkah</i> memajukan bidang animasi.	1
P5 Rumusan/petikan membincangkan bidang animasi.	0

Isi [16 markah]

Bahan 1	Markah
Fokus 1 – (kelebihan/kebaikan/manfaat/faedah bidang animasi):	
A1 mbolehkan seseorang itu lebih kreatif memandangkan perinciannya mesra pengguna.	2
A2 mampu menyampaikan sesuatu konsep yang kompleks secara visual dan dinamik.	2
A3 dapat membantu dalam proses pemahaman penghasilan karya digital.	2
A4 mampu membolehkan penonton fokus tentang jalan cerita dan mesej yang ingin disampaikan.	2

Bahan 1

Markah

Fokus 2 – (usaha/cara/langkah memajukan bidang animasi):

- | | | |
|----|--|---|
| B1 | Multimedia Development Corporation (MDEC) sebagai pemangkin bagi melahirkan lebih ramai tenaga pakar dalam industri multimedia kreatif. | 2 |
| B2 | MDEC mempergiat promosi untuk menggalakkan lebih banyak penghasilan filem animasi. | 2 |
| B3 | kerajaan turut memperuntukkan RM30 juta kepada industri animasi melalui Skim Padanan Pinjaman Pelaburan (SPPP) yang dikendalikan oleh MyCreative Ventures. | 2 |

Bahan 2

Markah

Fokus 2 – (usaha/cara/langkah memajukan bidang animasi):

- | | | |
|----|--|---|
| C1 | Peluang perlu diberikan kepada generasi muda untuk berkarya. | 2 |
| C2 | Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) perlu memartabatkan industri kreatif di negara ini. | 2 |

Bahan 3

Markah

Fokus 1 – (kelebihan/kebaikan/manfaat/faedah bidang animasi):

- | | | |
|----|--|---|
| D1 | mempunyai potensi menjadikan ekonomi negara lebih dinamik. | 2 |
| D2 | mengetengahkan perlambangan budaya tempatan dan identiti kebangsaan ke peringkat global. | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

Markah

- | | | |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, bidang animasi hendaklah diperkasakan agar industri animasi negara terus berkembang maju. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, bidang animasi hendaklah diperkasakan. | 1 |
| K3 | Kesimpulannya, bidang animasi bidang mendatangkan banyak kebaikan/membuka peluang pekerjaan. (ayat nyata)
(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai) | 0 |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT